PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PROGRAM JELAJAH NEGARAKU: AKU KASIH MALAYSIA PERKUKUH SEMANGAT KENEGARAAN DAN PERPADUAN

NIBONG TEBAL, 25 OKTOBER 2026 – Program Jelajah Negaraku: Aku Kasih Malaysia merupakan platform mendekati masyarakat bagi menyemai semangat kenegaraan, memperkukuh perpaduan serta meningkatkan kefahaman rakyat terhadap tanggungjawab bersama dalam membangunkan negara.

Menteri Pendidikan merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal, YB Datuk Seri Fadhlina binti Sidek, berkata kecintaan terhadap negara perlu diterjemahkan melalui tindakan, termasuk menghormati kepelbagaian, memelihara keharmonian serta menjunjung Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang.

Menurut beliau, program anjuran Akademi Kenegaraan Malaysia, Pejabat Perdana Menteri itu turut membuka ruang kepada masyarakat untuk berinteraksi secara langsung dengan agensi kerajaan, mendapatkan maklumat perkhidmatan serta mengemukakan pandangan dan keperluan komuniti setempat.

Beliau menegaskan bahawa semangat kenegaraan perlu dipupuk melalui penghayatan sejarah negara, penghormatan terhadap perbezaan serta penggunaan media digital secara bertanggungjawab bagi mengelakkan penyebaran fitnah dan kandungan yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat.

Dalam konteks pendidikan, beliau berkata sekolah, ibu bapa dan komuniti memainkan peranan penting dalam membentuk generasi muda yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah memiliki sahsiah, jati diri, nilai ihsan dan rasa tanggungjawab terhadap negara.

Beliau turut menekankan kepentingan kerjasama berterusan antara kerajaan dengan masyarakat dalam memelihara kestabilan, memperkukuh perpaduan dan memastikan pembangunan negara memberi manfaat kepada semua lapisan rakyat.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Jelajah Negaraku: Aku Kasih Malaysia Peringkat Parlimen Nibong Tebal, Pulau Pinang, yang berlangsung selama dua hari. Turut hadir YBrs. En. Mohd Khailani bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Profesional), Akademi Kenegaraan Malaysia, Pejabat Perdana Menteri.

Program ini mencerminkan komitmen berterusan untuk mendekatkan agenda kenegaraan kepada rakyat serta menyemai semangat “Aku Kasih Malaysia” melalui nilai kesyukuran, perpaduan dan ihsan demi masa depan negara yang aman, bersatu padu dan sejahtera.

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
25 Oktober 2026

-TAMAT -